

# PM arah segerakan tindakan susulan MoU di Australia

**Putrajaya:** Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan semua Jemaah Menteri supaya mengambil tindakan susulan dan menyegerakan beberapa perkara berkaitan memorandum persefahaman (MoU) dan niat pelaburan susulan lawatan rasminya ke Australia baru-baru ini.

Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil, berkata perkara itu disampaikan Perdana Menteri pada mesyuarat Kabinet semalam.

Katanya, lawatan Perdana Menteri ke Australian disifatkan amat berjaya kerana bukan saja menarik minat pelaburan sebanyak RM24.5 bilion, malah mengembangkan pelaburan sedia ada hasil pertemuan dengan 20 syarikat negara berkenaan di Melbourne.

“Selain itu, empat MoU dimekarkan di Melbourne yang menunjukkan usaha bertambah baik dan cerah untuk kedua-dua negara dalam hubungan antarabangsa.

“Perdana Menteri juga memaklumkan kepada Kabinet mengenai beberapa tindakan susulan perlu diambil sama ada

dari segi MoU atau niat pelaburan yang dinyatakan dan ini disampaikan serta menteri berkaitan sedia membantu menyegerakan beberapa perkara,” katanya pada sidang media, di sini semalam.

Anwar mengadakan lawatan rasmi pertamanya ke Australia atas jemputan Perdana Menteri Australia, Anthony Albanese pada 4 hingga 7 Mac bagi memperkukuhkan lagi hubungan antara dua negara, menerusi pelbagai platform dua hala (bilateral) dan pelbagai hala (multilateral).

Dalam rangka lawatan rasmi empat hari itu, Perdana Menteri turut mengetuai delegasi Malaysia ke Mesyuarat Pemimpin Tahunan (ALM) Kedua Malaysia-Australia pada 4 Mac dan Sidang Kemuncak Khas ASEAN-Australia dari 5 hingga 6 Mac di Melbourne.

Fahmi berkata, pada mesyuarat Kabinet semalam, Perdana Menteri turut memaklumkan perbincangan yang diadakan bersama negara ASEAN.

“Antara lain perbincangan dengan Thailand mengenai pelancongan, di Malaysia fokus kita



*Fahmi pada sidang media di Putrajaya, semalam. Turut kelihatan Timbalan Menteri Komunikasi, Teo Nie Ching. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)*

di Langkawi sebagai contoh, ada beberapa perkara Perdana Menteri nyatakan kepada Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya (Datuk Seri Tiong King Sing) untuk diteliti termasuk isu harga termasuk makanan dan sebagainya di Langkawi.

“Ini diberikan penekanan dan Menteri Pelancongan akan suli,” katanya.

Sementara itu, Fahmi berkata, Kabinet semalam meluluskan secara dasar supaya kement-

riannya meneliti dan menambah baik Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Susulan itu, katanya, pihaknya akan melaksanakan beberapa siri libat urus dengan pihak industri dan pemegang taruh bagi melihat aspek yang perlu diperkemas.

“Ini kesinambungan kepada dasar diputuskan sekitar Ogos 2022 sebelum pembubaran Parlimen, maka hari ini (semalam) Kabinet bersetuju untuk Kementerian ini meneliti akta terbabit, melihat apakah aspek perlu ditambah baik, diperbetul dan diperkemas.

“Contohnya isu membabitkan Seksyen 233, yang mana ramai Ahli Parlimen mempunyai pandangan tegas tetapi pada masa sama berpandangan adakah akta ini cukup kuat atau sebaliknya,” katanya.

Fahmi berkata, industri telekomunikasi menyaksikan perkembangan amat besar sejak akta terbabit digubal pada 1998 dan fokus akan diberi mengenai beberapa isu teknikal serta denda yang mungkin dikenakan ke atas pelanggaran akta terbabit.